Ho Wai Seng dan satu lagi v Johari bin Abas dan satu lagi

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — GUAMAN SIVIL NO S3–22–168 TAHUN 1999
HASHIM J
8 MAC 2000

Prosedur Sivil *— Kos — Kajian semula sijil pendaftar — Permohonan untuk mengkaji semula dibuat oleh plaintif sebelum menandatangani sijil pendaftar — Sama ada permohonan dibuat pra masa — — Sama ada plaintif dibenarkan membuat permohonan baru jika permohonan sebelumnya pra masa — Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 59 k 36(2)*

Plaintif telah memohon kepada hakim untuk mengkaji semula keputusan taksiran yang dibuat oleh penolong kanan pendaftar melalui saman kandungan 49, di bawah A 59 k 36(2) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT'). Defendan kedua telah membuat bantahan awal terhadap kandungan 49 dengan menyatakan bahawa plaintif telah membuat permohonannya secara pra masa, di luar A 59 k 36(2) KMT. Plaintif berhujah bahawa permohonan boleh dibuat dalam masa 14 hari daripada keputusan penolong kanan pendaftar dan bukan dari tarikh penolong kanan pendaftar menandatangani sijil tersebut. Penolong kanan pendaftar telah membuat keputusan pada 13 September 1999 dan alasan penghakiman atau sijil penolong kanan pendaftar hanya dikeluarkan pada 8 Oktober 1999, tetapi kandungan 49 (permohonan ini) difailkan pada 16 September 1999, iaitu sebelum sijil/alasan dikeluarkan.

Diputuskan, membenarkan bantahan awal defendan kedua dan menolak kandungan 49 dengan kos dalam kausa dan membenarkan plaintif memfailkan permohonan baru dalam masa 14 hari dari tarikh alasan penghakiman ini:

Daripada pembacaan A 59 k 36(2) KMT, suatu sijil pendaftar mesti wujud dahulu sebelum hakim boleh meminda sijil tersebut. Di dalam kes semasa, sijil pendaftar hanya dikeluarkan pada 8 Oktober 1999. Oleh itu, semasa permohonan kandungan 49 ini dibuat pada 16 September 1999, sijil pendaftar masih belum wujud lagi, dan sekiranya didengar, tidak ada sijil yang boleh diubah/pinda oleh hakim. Namun begitu, peguam plaintif juga memohon, jika mahkamah membenarkan bantahan awal peguam defendan kedua ini, supaya plaintif dibenarkan membuat permohonan yang baru. Aturan 59 k 36(2) KMT, antara lain, membenarkan Mahkamah melanjutkan masa untuk permohonan sebegini. Demi keadilan, mahkamah ini rasa defendan kedua tidak akan diprejudiskan jika permohonan untuk memfailkan semula ini dibenarkan kerana plaintif hanya bertindak terlalu awal dalam memfailkan kandungan 49 ini (lihat ms 560E–G).

[English summary

The plaintiff applied to the judge to re-examine the results of an assessment made by the senior assistant registrar through summons

contents 49, under O 59 r 36(2) of the Rules of the High Court 1980 (the 'RHC'). The second defendant made a preliminary objection against contents 49 on the grounds that the plaintiff had made his application before time, outside O 59 r 36(2) RHC. The plaintiff submitted that the application can be made within 14 days from the decision of the senior assistant registrar and not from the date the senior assistant registrar signs the certificate. The senior assistant registrar made his decision on 13 September 1999 and the grounds of judgment or the certificate of the senior assistant registrar was only issued on 8 October 1999, but contents 49 (this application) was filed on 16 September 1999, that is, before the certificate/grounds were issued.

Held, allowing the preliminary objection of the second defendant and dismissing contents 49 with costs within cause and allowing the plaintiff to file a new application within 14 days from the date of the grounds of judgment:

From the reading of O 59 r 36(2) RHC, a registrar's certificate must be in existence before the judge may amend the certificate. In the present case, the registrar's certificate was only issued on 8 October 1999. Therefore, when the application was made for contents 49 on 16 September 1999, the registrar's certificate was not yet in existence, and if heard, there is no certificate that can be changed or amended by the judge. Despite this, counsel for the plaintiff also applied, if the court allows the preliminary objection of the second defendant's counsel, that the plaintiff be permitted to make a fresh application. Order 59 r 36(2) RHC, among others, allows the court to extend the time for such applications. In the cause of justice, the court feels that the second defendant will not be prejudiced if the application to re-file is allowed because the plaintiff has merely acted too soon in filing contents 49 (see p 560E–G).

Nota-nota

Untuk kes-kes kajian semula sijil pendaftar, lihat 2(1) Mallal's Digest (4th Ed, 1998 Reissue) perenggan 1332.

Undang-undang yang dirujuk

Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 59 k 36(2), (5)

CC Low (*Lim Kian Leong & Co*) bagi pihak plaintif.
Roslan @ Malcolm Murphy (*Cheah Teh & Su*) bagi pihak defendan kedua.

Hashim J. : Saman kandungan 49 ialah permohonan plaintif kepada hakim untuk mengkaji semula keputusan taksiran yang dibuat oleh penolong kanan pendaftar di bawah A 59 k 36(2) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980.

Peguam defendan kedua memfailkan satu bantahan awal terhadap kandungan 49 yang dikatakan telah dibuat oleh plaintif secara pra masa dan oleh itu adalah di luar A 59 k 36(2).

Aturan 59 k 36(2) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi memperuntukkan:

> 2 An application under this rule for review of the Registrar's decision in respect of any item may be made at any time within 14 days, or such longer time as the Registrar at the time when he signs the certificate or the Court at any time, may allow.

Peguam plaintif berhujah bahawa permohonan ini boleh dibuat dalam masa 14 hari daripada keputusan penolong pendaftar kanan dan bukan daripada tarikh penolong pendaftar kanan menandatangani sijil tersebut.

Dalam kes semasa penolong kanan pendaftar telah membuat keputusan pada 13 September 1999, alasan penghakiman atau sijil penolong kanan pendaftar hanya dikeluarkan pada 8 Oktober 1999. Tetapi permohonan ini (kandungan 49) telah difailkan oleh peguam plaintif pada 16 September 1999 iaitu sebelum sijil/alasan penghakiman penolong kanan pendaftar dikeluarkan?

Aturan 59 k 36(2) perlu dibaca bersama dengan A 59 k 5 yang memperuntukkan:

> On an application under this rule the Judge may make such order as the circumstances require, and in particular may order the Registrar's certificate to be amended or, except where the dispute as to the item under review is as to amount only, order the item to be remitted to the Registrar for taxation.

Ini bererti suatu sijil pendaftar mesti wujud dahulu sebelum hakim boleh meminda sijil tersebut. Di dalam kes semasa sijil pendaftar hanya dikeluarkan pada 8 Oktober 1999. Oleh itu, semasa permohonan kandungan 49 ini dibuat pada 16 September 1999, sijil pendaftar masih belum wujud lagi, dan sekiranya didengar, tidak ada sijil yang boleh diubah/pinda oleh hakim.

Namun begitu, peguam plaintif juga memohon, jika mahkamah membenarkan bantahan awal peguam defendan kedua ini, supaya plaintif dibenarkan membuat permohonan yang baru. Aturan 59 k 36(2), antara lain, membenarkan mahkamah melanjutkan masa untuk permohonan sebegini. Demi keadilan, saya rasa defendan kedua tidak akan diprejudiskan jika permohonan untuk memfailkan semula ini dibenarkan kerana plaintif hanya bertindak terlalu awal dalam memfailkan kandungan 49 ini.

Berdasarkan sebab-sebab di atas, bantahan awal peguam defendan kedua dibenarkan dan kandungan 49 ditolak dengan kos dalam kausa dan peguam plaintif dibenarkan memfailkan permohonan baru dalam masa 14 hari daripada hari ini.

Bantahan awal defendan kedua dibenarkan dan kandungan 49 ditolak dengan kos dalam kausa dan plaintif dibenarkan memfailkan permohonan baru dalam masa 14 dari tarikh ini.

Dilaporkan oleh Chew Phye Ken